

## **Raja Perlis Rasmi Pembukaan Kilang Pembuatan Jabil Baharu di Chuping**

**Chuping, Perlis, Malaysia, 7 April 2025** – Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, hari ini telah merasmikan pembukaan kilang pembuatan baharu Jabil di Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA).

Majlis perasmian turut diserikan dengan kehadiran Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, bersama Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohamad Haris Kader Sultan.

Berkeluasan 45,000 kaki persegi, kilang ini direka untuk menyokong pertumbuhan perniagaan Jabil pada masa hadapan, merangkumi keupayaan dalam proses Pemasangan Akhir, Ujian dan Pembungkusan (FATP), pemasangan mekanikal penuh, pemasangan papan litar bercetak, dan konfigurasi bina-ikut-pesanan.

“Detik ini bukan sekadar pembukaan sebuah kilang baharu, tetapi merupakan permulaan kepada era baharu dalam pertumbuhan ekonomi Perlis. Fasiliti ini adalah pencapaian bersejarah buat negeri kita, kerana ia merupakan kilang pelaburan asing pertama yang ditubuhkan di CVIA. Jabil, sebagai pelabur pertama, telah membuka jalan bagi pelaburan dan peluang masa hadapan di hab perindustrian yang sedang berkembang ini,” kata Mohd Shukri.

Sementara itu, Mohamad Haris menekankan kepentingan pelaburan ini dengan berkata, “Kilang baharu Jabil menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan industri di Perlis, sekali gus mengukuhkan peranan Malaysia sebagai hab pembuatan bertaraf global. Selain mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, projek ini turut mempercepatkan pemindahan teknologi dan peningkatan kemahiran, demi mempersiapkan tenaga kerja kita untuk ekonomi digital.”

Beliau menambah, “Kepakaran Jabil akan memperkukuh ekosistem elektrik dan elektronik (E&E) di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), merangsang inovasi dan kemajuan mampan. NCER terus komited dalam memupuk kerjasama strategik yang menjana kemakmuran bersama untuk negara.”

Menerusi ucapan aluannya, Naib Presiden Eksekutif Operasi Jabil, Frederic McCoy menjelaskan bahawa kilang baharu ini akan meningkatkan keupayaan syarikat dan memperluas jejaknya di rantau ini. “Kami teruja untuk membawa pengalaman pasaran serta kepakaran pembuatan kami ke Perlis. Gabungan ini bersama tenaga kerja negeri yang mantap dan ekosistem pembuatan yang kondusif akan terus memperkukuh kelebihan daya saing kami di rantau ini. Kami amat berterima kasih atas kerjasama bersama NCER dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam menjayakan visi ini.”

“Pembukaan Chuping adalah tepat pada masanya, bersempena ulang tahun ke-30 operasi Jabil di Malaysia tahun ini. Pengembangan ini membolehkan kami meningkatkan kapasiti dan skala bagi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat,” tambah Pengarah Urusan Jabil di Malaysia, SJ Tan.

Beribu pejabat di St. Petersburg, Florida, Amerika Syarikat, Jabil merupakan peneraju global dalam kejuruteraan, rantaian bekalan, dan penyelesaian pembuatan dengan lebih 100 lokasi dan 140,000 pekerja di seluruh dunia. Syarikat ini menyokong lebih daripada 400 jenama utama dalam pelbagai industri termasuk automotif dan pengangkutan, penjagaan kesihatan, percetakan dan runcit, barangan pengguna, telekomunikasi, penyimpanan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui, awan (cloud), rangkaian dan kecerdasan buatan.

Jabil membuka operasi pertama di Malaysia pada tahun 1995. Kini, syarikat ini memiliki lebih daripada 14,800 orang pekerja di seluruh negara dalam bidang pembuatan, Pergudangan dan pusat perkhidmatan global bersama.



Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi di [www.ncer.com.my](http://www.ncer.com.my) dan [www.jabil.com](http://www.jabil.com).

**-TAMAT-**

**INFORMATION FOR EDITOR:**

**About NCIA**

The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) is a regional development authority responsible for establishing directions, devising policies and strategies related to the socioeconomic development of the Northern Corridor Economic Region (NCER). Incorporated in June 2008 under the Northern Corridor Implementation Authority Act 2008 (Act 687), NCER encompasses the four northern states of Kedah, Penang, Perak and Perlis in Peninsular Malaysia. NCIA's Chief Executive is Mohamad Haris Kader Sultan.

NCIA drives the growth of NCER towards becoming an excellent economic region while catalysing and implementing high value-added development programmes in six (6) economic clusters: Manufacturing, Agribusiness, Petrochemical, Mining, Green Economy and Services (Inc. Tourism; Logistics and Connectivity; and Digital Economy)

**About Jabil**

At Jabil (NYSE: JBL), we are proud to be a trusted partner for the world's top brands, offering comprehensive engineering, supply chain, and manufacturing solutions. With over 50 years of experience across industries and a vast network of over 100 sites worldwide, Jabil combines global reach with local expertise to deliver both scalable and customized solutions. Our commitment extends beyond business success as we strive to build sustainable processes that minimize environmental impact and foster vibrant and diverse communities around the globe. Discover more at [www.jabil.com](http://www.jabil.com).

**Media Contact:**

**En. Fairus Kassim**  
Manager  
Corporate Communications Department  
Email: [fairus@ncer.com.my](mailto:fairus@ncer.com.my)  
Tel: + 019-3272507 | GL: + 604-502 0708

**En. Ariff Ahmad**  
Head  
Corporate Communications Department  
Email: [ariffahmad@ncer.com.my](mailto:ariffahmad@ncer.com.my)  
Tel: + 016-3288944 | GL: + 604-502 0708